



INTERNATIONAL COLLEGE of YAYASAN MELAKA

GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT DAN PENGECCUALIAN KREDIT KAYM

1.0 PENDAHULUAN

Pemberian pindah kredit dan pengecualian kursus merupakan satu pengiktirafan terhadap kelayakan dan pengetahuan sedia ada seseorang pelajar apabila mula mengikuti sesuatu pengajian bagi mendapatkan kelayakan yang lain. Ia merupakan satu dasar yang diamalkan di semua institut pengajian tinggi (IPT).

2.0 DASAR PEMINDAHAN KREDIT

2.1 Dasar Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi membenarkan pindah kredit dilakukan dalam dua kategori seperti berikut :

- a. Mendatar (Horizontal) – Pindah kredit daripada program pengajian di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil, diploma ke diploma dan ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.
- b. Menegak (Vertical) – Pindah kredit daripada program pengajian peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi daripada institusi yang diiktiraf.

2.2 Pindah kredit adalah dibenarkan bagi kes-kes berikut:

a. Mendatar

Pindah kredit secara mendatar (horizontal) dibenarkan kepada pelajar yang sedang mengikuti program lain dalam bidang yang sama dengan bidang yang sedang diikuti tertakluk kepada :

- i. Bagi pelajar yang menyambung pengajian di institusi yang sama, tiada had pindah kredit yang ditetapkan .

- ii. Bagi pelajar yang menyambung pengajian di institusi yang berbeza, tempoh keberadaan pelajar secara fizikal atau bukan fizikal (*Academic Residential Requirement*) adalah seperti berikut:
 - Ijazah Sarjana PhD - 1 semester
 - Ijazah Sarjana – 1 semester
 - Ijazah Sarjana Muda - 1 semester
 - Diploma dan Sijil – 1 semester

b. Menegak

- i. Pelajar lepasan Sijil IPT lain yang menyambung pengajian ke peringkat Diploma KAYM. Had maksimum jumlah kredit yang dibenarkan adalah 30% daripada jumlah kredit program yang diikuti di KAYM.
- ii. Pindahan kredit untuk kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) ke Sarjana Muda (tahap 6, MQF) secara menegak/vertical dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program yang diikuti dengan ketetapan berikut :

Peratusan Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

- iii. Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus penghayatan Etika dan Peradaban (Kelompok U1) dibenarkan untuk dipindah kredit secara menegak dan hanya dibenarkan untuk dilakukan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

- c. Pindah kredit maksimum 60% bagi gabungan pindah kredit melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL(C)], *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-Credential* (MC).

2.3 Pindah kredit tidak dibenarkan bagi kes-kes berikut:

a. Mendatar

- i. Pelajar yang diberhentikan daripada pengajian atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian dalam program yang lain.

- b. Menegak
 - i. Daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah.
 - ii. Latihan Industri tidak dibenarkan untuk pemindahan kredit dalam kes Perkara 2.2b.
 - iii. Tiada had pindah kredit bagi kes dalam Perkara 2.2a.
- 2.4 Pindahan kredit boleh dipertimbangkan bagi pelajar KAYM yang berhenti dari pengajian bukan atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian dalam program yang sama atau program yang lain di peringkat yang sama. Tiada had pemindahan kredit dikenakan.
- 2.5 Pindah Kredit Matapelajaran Umum (MPU) hanya dibenarkan secara mendatar sahaja.
- 2.6 Pemindahan kredit boleh dilakukan bergantung kepada tempoh selama sekitar 5 tahun.
- 2.7 Pindah Kredit Dengan Gred Bagi kes-kes di Perkara 2.2a, gred yang diperolehi bagi kursus terdahulu diberikan kepada kursus yang diluluskan pemindahan kredit. Gred berkenaan kemudiannya diguna pakai untuk kiraan PNGK pelajar berkenaan dalam pengajian seterusnya.
- 2.8 Pindah Kredit Tanpa Gred Bagi kes-kes di Perkara 2.2b, gred kursus yang diperolehi daripada kursus terdahulu TIDAK diguna pakai dalam pengiraan PNGS dan PNGK. Namun jumlah kredit diambil kira sebagai kredit untuk bergraduat.

3.0 SYARAT UMUM PINDAAN KREDIT

Pindah kredit perlu berasaskan kepada pemetaan kursus dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:

- a. Gred lulus - gred minimum iaitu Gred C
- b. Nilai kredit - sama dengan nilai kredit kursus bagi program di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) penerima;
- c. Kesetaraan kurikulum kursus - tidak kurang daripada 80%; dan
- d. Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi/ Pengiktirafan daripada badan yang berautoriti di negara berkenaan

4.0 DASAR PENGECCUALIAN KURSUS

Pindahan Kredit Tanpa Gred (pengeccualian kredit) ialah proses mengeccualikan seseorang pelajar daripada mengambil kursus dalam program yang diikuti atas sebab-sebab tertentu. Pengeccualian ini tidak menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikeccualikan. Oleh itu pelajar perlu menggantikan kursus yang dikeccualikan dengan kursus lain bagi mencukupkan keperluan kredit bergraduut.

Jenis kursus yang boleh ditambah bagi menggantikan kursus yang mendapat pengeccualian adalah

- a. Kursus yang sama tahap dengan program yang ditawarkan
- b. Sekiranya program yang terlibat adalah program kerjasama, maka kursus yang ditambah boleh diambil daripada sama ada daripada program-program yang ditawarkan rakan kerjasama tersebut, atau daripada program-program kerjasama lain
- c. Penambahan kursus ko kurikulum juga dibenarkan.

Dasar ini tertakluk kepada syarat umum pindah kredit.

5.0 PENGURUSAN PINDAH KREDIT

- a. Pelajar yang ingin memohon pemindahan kredit perlu mengisi Borang Pemindahan / Pengeccualian Kredit.
- b. Borang yang telah siap diisi hendaklah diserahkan kepada Sekolah dalam tempoh 2 minggu selepas menerima keputusan peperiksaan. (Program Pertukaran Pelajar)
- c. Pelajar Pertukaran Rancangan Pengajian yang memohon pemindahan kredit perlu mengisi borang selewat-lewatnya minggu kedua dari tarikh mendaftar dalam program baharu.
- d. Permohonan dikemukakan ke pihak Sekolah yang menawarkan kursus berkenaan untuk diluluskan oleh pihak Sekolah.
- e. Salinan borang yang telah diluluskan akan diserahkan kepada pelajar dan dihantar kepada Jabatan Rekod dan Peperiksaan. Maklumat akan dikemaskini di dalam sistem e-kit oleh pihak sekolah.